

**PEMELIHARAAN KALIGRAFI JAWI: SATU
KAJIAN DI SEKITAR BANDAR KOTA BHARU**

NUR SYAMIMI BINTI CHE MOHAMMAD

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN
KEPUJIAN**

2021

MALAYSIA

KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PEMELIHARAAN KALIGRAFI JAWI: SATU KAJIAN DI SEKITAR BANDAR KOTA BHARU

Oleh

NUR SYAMIMI BINTI CHE MOHAMMAD


**Laporan ini dihantar bagi memenuhi kehendak Ijazah Sarjana Muda
Pengajian Warisan dengan Kepujian**

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2021


PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.




TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*



TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:


1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



(Tanda tangan pelajar)

Tarikh: 01 FEBUARI 2021

Disahkan oleh:


NUBATHMAR BINTI HASHIM
Pensyarah
Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok, Kelantan
(Tanda tangan penyelia)

Nama: PUAN NURATHMAR BT HASHIM
Tarikh: 01 FEBUARI 2021

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat ilahi di atas rahmat dan inayah-NYA dapatlah saya menyiapkan projek penyelidikan ini dengan jayanya. Tambahan lagi projek penyelidikan ini juga merupakan salah satu syarat untuk memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan, Universiti Malaysia Kelantan sesi 2020. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W.

Pada kesempatan ini, saya menghulurkan jutaan apresiasi kepada Puan Nur Athmar Binti Hashim selaku penyelia projek penyelidikan saya yang telah banyak memberi dorongan kepada saya sepanjang menyiapkan kajian ini. Segala penat lelah dan tunjuk ajar yang diberikan oleh beliau dalam menyelesaikan kajian ini amatlah saya hargai. Semoga Allah S.W.T melimpahkan keberkatan kepada beliau.

Seterusnya, sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih saya ucapkan kepada ibu dan ayah saya, Rosnani Binti Sulong dan Che Mohammad Bin Che Haron serta ahli keluarga yang turut membantu saya dalam menyiapkan kajian ini dari segi sokongan moral dan sokongan secara fizikal. Tidak lupa juga kepada rakan seperjuangan projek penyelidikan saya yang turut memberikan bantuan terutama ketika menjalankan kajian lapangan dan banyak memberi idea dan berkongsi maklumat berkenaan kajian ini serta memberikan komitmen yang memberangsangkan dalam menyiapkan projek kajian ini

Selain itu, terima kasih juga di ucapkan kepada informen yang memberikan maklumat sama ada secara langsung dan tidak langsung. Semoga Allah mempermudah segala urusan kami dan memberikan kejayaan di dunia mahupun di akhirat. Akhir kalam, saya juga ingin menghulurkan ucapan terima kasih kepada semua guru dan pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya menyelesaikan kajian ini. Semoga kita sentiasa di bawah lindungan-NYA.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PERAKUAN TESIS.....	i
PENGHARGAAN.....	ii
ISI KANDUNGAN.....	iii
SENARAI JADUAL.....	vii
SENARAI RAJAH.....	viii
ABSTRAK.....	ix
ABSTRACT.....	x
BAB 1 PENGENALAN.....	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	2
1.3 Permasalahan Kajian.....	5
1.3.1 Sejarah Kaligrafi Jawi.....	5
1.3.2 Dokumentasi Kaligrafi Jawi.....	6
1.3.3 Jenis-jenis Kaligrafi Jawi.....	6
1.4 Persoalan Kajian.....	7
1.5 Objektif Kajian.....	7
1.6 Lokasi Kajian.....	8
1.7 Skop Kajian.....	9
1.8 Kepentingan Kajian.....	10
1.9 Struktur Tesis.....	11
1.10 Rumusan Bab.....	12
BAB 2 SEJARAH TULISAN JAWI.....	13
2.1 Pengenalan.....	13
2.2 Kerajaan Chih-Tu Kerajaan Awal Yang Wujud Di Negeri Kelantan.....	13

2.3	Kewujudan Tulisan Jawi Di Tanah Melayu.....	14
2.4	Peranan Tulisan Jawi Di Dalam Perkembangan Islam Di Malaysia.....	15
2.5	Sejarah Kemasukan Seni Kaligrafi Dan Pengaruhnya Terhadap Tulisan Jawi Di Nusantara.....	15
2.6	Jenis-jenis Kaligrafi Jawi.....	17
2.6.1	Khat Khufi.....	17
2.6.2	Khat Naskhi.....	18
2.6.3	Khat Thuluth.....	19
2.6.4	Khat Farisi.....	20
2.6.5	Khat Diwani.....	21
2.6.6	Khat Riq'ah.....	22
2.6.7	Khat Ijazah (Raihani).....	23
2.6.8	Khat Diwani Jail.....	24
2.7	Rumusan Bab.....	25
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN.....	26
3.1	Pengenalan.....	26
3.2	Kerangka Kajian.....	27
3.3	Sumber Kajian.....	28
3.1	Data Primer.....	28
3.2	Data Sekunder.....	29
3.4	Rekabentuk Kajian.....	29
3.4.1	Kaedah Kuantitatif.....	29
3.4.2	Kaedah Kualitatif.....	30
3.4.3	Kaedah Perpustakaan.....	30
3.4.4	Kaedah Pemerhatian.....	31
3.4.5	Kaedah Temubual.....	31
3.4.6	Kaedah Soal Selidik.....	32

3.5	Rumusan Bab.....	33
BAB 4	DAPATAN KAJIAN.....	34
4.1	Pengenalan.....	34
4.2	Analisis Borang Soal Selidik.....	35
4.3	Analisis Terhadap Reaksi Responden.....	39
4.4	Analisis Kajian.....	47
4.4.1	Sejarah Perkembangan Kaligrafi Jawi Pada Papan Tanda.....	47
4.4.2	Pendokumentasian Kaligrafi Jawi Pada Papan Tanda.....	48
4.4.3	Jenis Penggunaan Kaligrafi Jawi Pada Papan Tanda.....	50
4.5	Aspek Penggunaan Kaligrafi Pada Papan Tanda.....	53
4.6	Rumusan Bab.....	54
BAB 5	CADANGAN DAN KESIMPULAN.....	55
5.1	Pengenalan.....	55
5.2	Interpretasi Data.....	55
5.3	Cadangan.....	57
5.3.1	Mengadakan Bengkel Kaligrafi Jawi.....	57
5.3.2	Mempergiatkan Pembelajaran Kaligrafi Pada Peringkat Awal Kanak-Kanak.....	57
5.3.3	Mengadakan Pertandingan Kaligrafi Jawi.....	58
5.3.4	Menyediakan Pekerjaan Dalam Sektor Kaligrafi Jawi.....	58
5.3.5	Memberikan Pendedahan Kepada Masyarakat Berkenaan Dengan Kaligrafi Jawi.....	59
5.4	Rumusan.....	59
	RUJUKAN.....	60
	GLOSARI.....	62
	INDEKS.....	64

SENARAI JADUAL

	MUKA SURAT
Jadual 3.1 Kerangka Kajian.....	27
Jadual 4.6 Pengetahuan Responden Berkenaan Tentang Kaligrafi Jawi.....	41
Jadual 4.8 Tahap Pengetahuan Responden Tentang Jenis Kaligrafi Jawi.....	44
Jadual 5.0 Penggunaan Kaligrafi Jawi Yang Berlainan Jenis Papan Tanda.....	49
Jadual 5.1 Jenis Penggunaan Kaligrafi Jawi Pada Papan Tanda.....	51

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI RAJAH

MUKA SURAT

Rajah 1.1	Peta Lokasi Kajian.....	8
Rajah 2.1	Khat Khufi.....	17
Rajah 2.2	Khat Naskhi.....	18
Rajah 2.3	Khat Thuluth.....	19
Rajah 2.4	Kahat Farisi.....	20
Rajah 2.5	Khat Diwani.....	21
Rajah 2.6	Khat Riq'ah.....	22
Rajah 2.7	Khat Ijazah (Raihani).....	23
Rajah 2.8	Khat Diwani Jail.....	24
Rajah 4.1	Peratusan Responden Mengikut Jantina.....	35
Rajah 4.2	Peratusan Responden Mengikut Umur.....	36
Rajah 4.3	Peratusan Responden Mengikut Kaum.....	37
Rajah 4.4	Peratusan Responden Mengikut Sektor Pekerjaan.....	38
Rajah 4.5	Peratusan Responden Mengikut Status.....	38
Rajah 4.7	Peratusan Pengetahuan Responden Tentang Kaligrafi Jawi.....	42
Rajah 4.9	Peratusan Responden Tentang Tahap Pengetahuan Jenis Kaligrafi Jawi.....	46

MALAYSIA
UNIVERSITI
KELANTAN

Pemeliharaan Kaligrafi Jawi: Satu Kajian di sekitar Bandar Kota Bharu

ABSTRAK

Kaligrafi Jawi mempunyai sejarah yang panjang di negara ini secara umumnya dan juga di negeri Kelantan khususnya. Dalam penggunaan bagi huruf Jawi sebagai tulisan ilmiah utama di Nusantara yang dapat dilihat melalui kitab-kitab dan manuskrip daripada karya ulama yang terdahulu. Sehubungan dengan itu, bagi melaksanakan kajian ini tiga objektif kajian telah digariskan bagi meyelaraskan dengan persoalan kajian iaitu mengkaji sejarah kaligrafi jawi di negeri Kelantan, mengetahui jenis-jenis kaligrafi jawi pada papan tanda di sekitar bandar Kota Bharu dan juga mendokumentasikan penggunaan kaligrafi jawi pada papan tanda di sekitar bandar Kota Bharu. Dalam pada itu, kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan secara kuantitatif dan kualitatif. Dalam masa yang sama kajian ini juga menggunakan kaedah secara pemerhatian, temu bual dan juga kaedah menggunakan borang soal selidik bagi mendapatkan data yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Sehubungan dengan itu, hasil daripada kajian ini mampu menghasilkan pengetahuan yang baru serta dapat mengadaptasikan bukan sahaja melalui pihak berkuasa tetapi juga sebagai penyelidik untuk melihat Kelantan mampu menjadi pelapor kepada pusat perkembangan Jawi di Malaysia.

ABSTRACT

Jawi calligraphy has a long history in this country in general and also in the state of Kelantan in particular. The use of Jawi letters as the primary scholarly writing in the archipelago can be seen through books and manuscripts from the work of previous scholars. For the studies, three research objectives have been outlined to coordinate with the research questions: Studying Jawi calligraphy's history, knowing Jawi calligraphy's types on signage, and documenting the use of Jawi calligraphy on signage at Kota Bharu. In the meantime, this study uses quantitative and qualitative research methods. At the same time, this study also uses observational forms, interviews, and questionnaires to obtain data related to the survey. In this regard, the results of this study can produce new knowledge. They can adapt not only through the authorities but also as researchers to see Kelantan able to be a reporter to the center of Jawi development in Malaysia.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kajian dalam peringkat sarjana muda ini dapat memberikan fokus kepada konservasi yang berkaitan dengan pemeliharaan warisan Melayu yang terulung dalam warisan tidak ketara iaitu kaligrafi jawi iaitu pemeliharaan kaligrafi jawi di sekitar bandar Kota Bharu khususnya pada papan tanda. Dalam kajian ini akan melibatkan tentang sejarah kedatangan kaligrafi jawi di negeri Kelantan. Dalam pada itu, dalam kajian ini juga dapat dijadikan sebagai salah satu sumber rujukan yang berguna dalam melengkapkan data dan maklumat kajian yang berkaitan dengan pemeliharaan warisan Melayu yang terulung ini.

Sehubungan dengan itu, bagi permulaan bagi kajian ini bab yang pertama akan dimulakan dengan memberikan penerangan yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Dalam kajian ini akan melibatkan tentang sejarah kaligrafi jawi di negeri Kelantan, latar belakang kajian, lokasi kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian dan juga kepentingan bagi kajian yang dijalankan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Negeri Kelantan Darul Naim juga negeri yang dikenali sebagai “Serambi Mekah” yang memiliki latar belakang dalam perkembangan Islam dalam aspek kehidupan sosial dan politik. Negeri Kelantan ini yang berada di bahagian Timur Semenanjung Malaysia dimana bersempadan dengan negara Thailand. Kelantan Darul Naim juga merupakan sebuah negeri yang amat terkenal sebagai pusat perkembangan dalam ilmu pengetahuan terutamanya dalam ilmu-ilmu agama sehinggakan negeri Kelantan mendapat gelaran sebagai “Serambi Mekah”. Dalam pada itu, maksud “Serambi Mekah” bermaksud pusat tumpuan bagi pelajar tempatan malah dari seluruh rantau Asia Tenggara bagi mempelajari sekaligus mendalami ilmu-ilmu agama sebelum melanjutkan pengajian ke Timur Tengah seperti Mekah.

Kota Bharu adalah ibu negeri Kelantan dan merupakan pusat aktiviti bagi ibu negeri ini. Dari segi pentadbiran negeri Kelantan yang terbahagi kepada 10 jajahan yang meliputi 64 daerah dan 445 mukim penghulu. Tujuh daripada jajahan terletak di kawasan utara negeri Kelantan iaitu jajahan Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat, Bachok, Pasir Puteh dan Tanah Merah. Manakala tiga lagi jajahan terletak di dalam kawasan Kelantan Selatan iaitu jajahan Kuala Krai, Ulu Kelantan dan Jeli. Pada tahun 1844, bandar Kota Bharu berkembang bermula sebagai penempatan DiRaja yang fungsinya sebagai pusat utama bagi pusat pentadbiran, pusat perdagangan, pusat kewangan, pusat kebudayaan dan pusat pendidikan. Oleh itu, Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) adalah merupakan sesebuah badan pertubuhan yang diwujudkan di bandar Kota Bharu bagi mengendalikan pentadbiran adalah Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB). Oleh itu, ditubuhkan dan diisytihar bandar Kota Bharu sebagai pusat pemerintahan Negeri Kelantan oleh Kebawah Duli Yang Mulia Al-Marhum Sultan Muhammad ke-11 pada tahun 1844. Dalam pada itu, pada tahun 1936 bandar

Kota Bharu dinaik taraf menjadi Majlis Bandaran Kota Bharu (MBKB) akan tetapi MBKB telah dimansuhkan dan ditukar kepada Lembaga Bandaran pada tahun 1971 dan pada tahun 1978 Lembaga Bandaran Kota Bharu mula disusun semula dan dinaiktaraf kepada Majlis Perbandaran Kota Bharu pada tahun 1978 (<http://www.mpkbbri.gov.my/>).

Di samping itu, untuk mengetahui bilakah kemasukan kedatangan Islam di negeri Kelantan ini tidak dapat dinyatakan dengan lebih tepat dan terperinci. Hal ini demikian kerana tiada kesan-kesan sejarah yang dapat diberikan bukti yang kukuh seperti di Kuala Berang, Terengganu penemuan batu bersurat yang ditemui yang bertarikh 788H/1386M yang dijumpai pada 1922M dapat membuktikan sejarah kedatangan Islam di negeri tersebut. Akan tetapi, selepas penemuan batu bersurat ini membuktikan bahawa Kelantan terlebih dahulu Islam mula bertapak selepas Champa.

Selain itu, keunikan tulisan kaligrafi jawi pada papan tanda ini amatlah unik. Hal ini demikian kerana bukan sahaja penggunaan kepada masyarakat Melayu akan tetapi bagi premis perniagaan milik bangsa yang lain juga digunakan seperti Cina dan India. Dalam pada itu, jenis-jenis kaligrafi juga pelbagai bukannya hanya satu kaligrafi jawi sahaja.

Dalam pada itu, perkataan "Kaligrafi" atau dalam bahasa inggeris "*Calligraphy*" berasal dari perkataan Latin iaitu "Kaaliios" yang bermaksud indah manakala perkataan "graph" bermaksud sebagai tulisan. Maksud kaligrafi secara keseluruhan adalah merupakan keindahan pada tulisan kaligrafi. Dalam pada itu, dalam bahasa Arab pula kaligrafi disebut sebagai "Khat" yang bermaksud tulisan yang indah atau garis. Dalam pada itu, seni kaligrafi Islam atau lebih dikenali sebagai "seni khat" adalah khazanah yang paling tua di dunia dimana masih lagi kekal dimiliki oleh umat Islam. Sehubungan dengan itu, penulisan kaligrafi yang indah mula digunakan pada masjid, rumah dan juga tempat-tempat yang sesuai seperti papan tanda (<https://pengajianislam.pressbooks.com/chapter/seni->

kaligrafi). Sehubungan dengan itu, seni kaligrafi adalah kebesaran bagi kesenian Islam yang lahir pada tengah-tengah dunia yang penuh dengan keindahan daripada seni kaligrafi tersebut. Hal ini dapat dibuktikan pada masjid-masjid dan bangunan-bangunan yang dipenuhi oleh hiasan kaligrafi yang mempunyai hiasan kaligrafi dari segi ukiran pada dinding-dinding masjid.

Selain itu, pendapat daripada orang ramai tentang siapa yang menciptakan kaligrafi selain daripada cerita keagamaan yang tepat untuk dijadikan pegangan dengan catatan para falsafah Arab yang mencatatkan bahawa Nabi Adam As, merupakan pertama kali mengenal tentang kaligrafi. Oleh itu, pengetahuan ini diketahui melalui wahyu daripada Allah S.W.T. Sehubungan dengan itu, dikatakan bahawa sebelum wafatnya Adam As, beliau menulis pada lempengan tanah yang dibakar dan menjadi tembikar.

1.3 Permasalahan Kajian

Dalam permasalahan kajian ini dapat dilihat melalui petikan “Melayu mudah lupa” (*Melayu mudah lupa*, n.d.). Petikan ini dipetik daripada kata-kata Perdana Menteri Malaysia iaitu Tun Dr Mahathir Mohamad mungkin ada betulnya. Hal ini demikian kerana sedikit demi sedikit Melayu pada zaman kini mula melupakan asal usul mereka. Secara amnya, Melayu dan masyarakat Malaysia mula lupa akan hadirnya warisan tidak ketara yang terulung iaitu tulisan jawi ini. Dalam pada itu, generasi muda Melayu pada hari ini kurang berminat untuk membaca Jawi mahupun untuk menulis dengan menggunakan Jawi. Oleh itu, sebagai generasi baru kita seharusnya mengekalkan warisan yang ada di negara kita supaya kekal selamanya menjadi warisan negara kita.

1.3.1 Sejarah Kaligrafi Jawi

Kaligrafi jawi adalah kaligrafi yang merupakan salah satu khazanah Islam yang amat berharga dan juga mempunyai kedudukan yang istimewa dalam kalangan masyarakat Islam. (Hazliza binti ismail, 2011). Selain itu, kaligrafi adalah sesuatu ilmu yang pelbagai bentuk-bentuk huruf tunggal dan cara-cara merangkai menjadi sebuah khalimat yang tersusun diperkenalkan. Dalam pada itu, di Kelantan boleh dikatakan pada setiap papan tanda di premis perniagaan mempunyai kaligrafi jawi namun begitu kajian ini cuba untuk menjawab isu berkenaan tentang sejarah penulisan jawi.

1.3.2 Dokumentasi Kaligrafi Jawi

Kaligrafi jawi pada papan tanda di bandar sekitar Kota Bharu adalah sangat unik kerana ia bukan sahaja kepada masyarakat Melayu tetapi untuk premis perniagaan milik bangsa yang lain juga digunakan seperti Cina dan India. Dalam pada itu, terdapat artikel berkenaan dengan penggunaan jawi pada media dimana persepsi pelajar Melayu di UNITEN (Rahman, Amin, Razali, & Wahab, 2018). Namun begitu, sehingga kini tiada lagi kajian berkaitan dengan dokumentasikan kaligrafi jawi di bandar Kota Bharu, Kelantan. Melalui kajian yang akan dikaji pengkaji akan cuba untuk mendokumentasikan kaligrafi jawi di bandar Kota Bharu, Kelantan.

1.3.3 Jenis-jenis Kaligrafi Jawi

Secara umumnya, dapat pengkaji mengetahui bahawa kaligrafi jawi mempunyai pelbagai jenis kaligrafi iaitu Naskhi, Thuluth, Farisi, Riq'ah, Diwani, dan Khufi. Walaubagaimanapun, jenis-jenis kaligrafi jawi yang terdapat pada papan tanda tidak dapat dikenalpasti dan permasalahan ini ditimbulkan dalam kajian oleh pengkaji dan sekaligus pengkaji melakukan kajian ini.

1.4 Persoalan Kajian

Tiga persoalan kajian yang dikemukakan bagi kajian ini adalah:

- 1.4.1 Bagaimanakah sejarah kaligrafi jawi di negeri Kelantan?
- 1.4.2 Berapakah jumlah kaligrafi jawi yang digunakan pada papan tanda di sekitar bandar Kota Bharu?
- 1.4.3 Apakah jenis kaligrafi yang terdapat pada papan tanda di sekitar bandar Kota Bharu?

1.5 Objektif Kajian


Tiga objektif kajian yang ingin dicapai adalah:

- 1.5.1 Mengkaji sejarah kaligrafi jawi di negeri Kelantan.
- 1.5.2 Mendokumentasikan penggunaan kaligrafi jawi pada papan di sekitar bandar Kota Bharu.
- 1.5.3 Mengetahui jenis kaligrafi jawi pada papan tanda di sekitar bandar Kota Bharu.

1.6 Lokasi Kajian

Penyelidik telah memilih kawasan kajian di negeri Kelantan Darul Naim iaitu di sekitar bandar Kota Bharu sebagai tempat bagi mengkaji pemeliharaan kaligrafi jawi atau penggunaan tulisan kaligrafi jawi pada papan tanda. Hal ini demikian kerana, pengkaji memilih kawasan tersebut bagi membuat kajian kerana masyarakat Melayu yang kurang peka atau prihatin terhadap sejarah mengenai kaligrafi jawi di negeri Kelantan. Selain itu, kawasan kajian oleh pengkaji berada di sekitar bandar Kota Bharu dari Jalan Pasar Siti Khadijah hingga Jalan Hulu Pasar (Rajah 1.1).





Rajah 1.1: Lokasi Kajian di sekitar bandar Kota Bharu

Sumber: Koleksi Peribadi

1.7 Skop Kajian

Skop kajian adalah batasan kajian berdasarkan kepada tajuk kajian yang ingin dilakukan oleh pengkaji bagi mencapai objektif yang ingin dicapai. Kajian ini hanya tertumpu di sekitar bandar Kota Bharu. Di samping itu, kajian yang akan dilakukan adalah berkaitan dengan kaligrafi jawi yang terdapat pada papan tanda di bandar Kota Bharu. Hal ini demikian kerana bagi memudahkan kajian ini dijalankan secara terperinci. Pengkaji juga akan memfokuskan skop kajian kepada di sekitar bandar Kota Bharu dari Jalan Pasar Siti Khadijah hingga Jalan Hulu Pasar bagi kawasan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji. Di samping itu, pengkaji turut mengkaji tentang penggunaan tulisan kaligrafi jawi pada papan tanda bukan sahaja kepada masyarakat Melayu tetapi untuk premis perniagaan milik bangsa yang lain juga digunakan seperti Cina dan India. Hal ini demikian kerana untuk melihat sejauh mana penggunaan kaligrafi jawi pada papan tanda tersebut.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian yang dilakukan adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada individu, masyarakat dan institusi pengajian dalam melihat pemeliharaan kaligrafi jawi di sekitar bandar Kota Bharu. Selain itu, terdapat juga kepentingan yang dapat dimanfaatkan kepada semua. Antara kepentingan kajian adalah:

1.8.1 Individu

Dalam aspek ini, kajian yang dilakukan mampu memberi ilmu yang baru kepada individu tersebut bagi menghargai nilai warisan negara dan juga mampu memupuk semangat cinta dan jati diri. Di samping itu, individu tersebut dapat memanfaatkan ilmu yang diperolehi bagi mempertingkatkan lagi pengetahuan dalam bidang kaligrafi jawi.

1.8.2 Masyarakat

Dalam kajian yang dilakukan oleh pengkaji terhadap pemeliharaan kaligrafi jawi di sekitar bandar Kota Bharu. Di samping itu, kajian ini dapat mewujudkan kesedaran tentang nilai warisan iaitu warisan tidak ketara dimana pada zaman kini masyarakat Melayu sudah mula lupa akan hadirnya nilai warisan yang terulung ini iaitu kaligrafi jawi. Oleh itu, masyarakat dapat menerapkan dengan penambahan ilmu pengetahuan tentang warisan yang terulung dan sekaligus dapat memelihara nilai-nilai keindahan, keunikan dan keistimewaan kaligrafi tersebut.

1.8.3 Institusi

Dalam kajian ini, kepentingan yang dapat dimanfaatkan oleh institusi pengajian apabila pengkaji menjalankan kajiannya ini adalah sebagai sumber bahan rujukan kepada pelajar-pelajar lain terutamanya pelajar yang mengikuti kursus dalam bidang warisan ini.

1.9 Struktur Tesis

Dalam Bab 1 akan membincangkan tentang sejarah kaligrafi jawi di negeri Kelantan dimana memberikan fokus tentang pemeliharaan kaligrafi di negeri Kelantan. Di samping itu, dalam bab ini turut menyatakan lokasi yang sebenar bagi kajian yang dijalankan. Hal ini demikian kerana sangat penting untuk mengetahui lokasi sebenar untuk melakukan kajian sebelum kajian dilakukan secara lebih terperinci. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji yang terdahulu, permasalahan turut dibincangkan bagi mendapatkan tujuan kajian yang dijalankan ini dengan sebenar. Selain itu, bagi skop kajian pula dinyatakan sebagai panduan kepada pengkaji supaya kajian yang dijalankan adalah di dalam ruangan penyelidikan.

Dalam Bab 2 akan menerangkan lebih terperinci tentang sejarah kaligrafi jawi atau tulisan jawi di negeri Kelantan. Dalam bab ini turut memberikan tumpuan berkenaan tentang kewujudan tulisan jawi ini di Tanah Melayu dan juga berkenaan kerajaan awal yang wujud di negeri Kelantan iaitu kerajaan Chih-Tu. Dalam pada itu, bab ini juga akan membantu pengkaji bagi melihat jenis-jenis kaligrafi jawi yang terdapat dalam perkembangan kaligrafi jawi.

Dalam Bab 3 pula akan memberikan tumpuan kepada kaedah saintifik yang digunakan dalam penyelidikan ini. Sehubungan dengan itu, dalam bab ini melibatkan

beberapa peringkat iaitu sebelum kajian dijalankan, semasa kajian yang dijalankan dan selepas kajian ini dijalankan. Walaubagaimanapun, dalam kajian ini melibatkan empat peringkat kaedah kajian bagi mendapatkan penyelidikan yang lengkap iaitu kaedah dengan menggunakan borang soal selidik, kaedah pemerhatian, kaedah temu bual dan juga kaedah mendapatkan data daripada sumber perpustakaan.

1.10 Rumusan Bab

Secara tuntasnya, kaligrafi jawi adalah warisan Melayu yang harus dijaga serta dipelihara dari satu generasi kepada satu generasi yang akan datang. Dimana ianya merupakan warisan Melayu yang perlu dijaga oleh generasi kini. Di samping itu, pihak yang berkuasa yang terlibat memainkan peranan yang penting dalam memelihara warisan ini secara langsung atau tidak langsung. Oleh itu, tindakan yang perlu diambil oleh pihak yang bertanggungjawab dalam memelihara warisan bangsa seperti tulisan jawi ini. Sebagai generasi muda, haruslah memartabatkan kembali kaligrafi jawi ini agar tidak lupakan kerana tulisan ini merupakan warisan Melayu yang perlu dijaga dan dipelihara.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 2

SEJARAH TULISAN JAWI

2.1 Pengenalan

Kajian-kajian mengenai penggunaan tulisan kaligrafi jawi mempunyai jenis-jenis estetika yang tersendiri. Dalam kajian ini, pengkaji melakukan tinjauan terdahulu untuk mengetahui persamaan atau perbandingan yang telah dikaji oleh pengkaji yang lain mengenai penggunaan kaligrafi jawi pada papan tanda mahupun lain-lain penggunaan. Hal ini demikian kerana, pengkaji menemui beberapa buah tesis, jurnal dan juga artikel dalam internet mengenai tajuk yang ingin dikaji. Oleh itu, dapat memudahkan pengkaji melakukan kajiannya serta mendapatkan maklumat yang tepat.

2.2 Kerajaan Chih-Tu: Kerajaan Awal Yang Wujud di Negeri Kelantan

Kerajaan Chih-Tu atau dikenali sebagai “Red Earth Land” adalah negara entrepot yang muncul di Semenanjung Tanah Melayu dan juga Asia Tenggara yang berada pada kawasan di persisiran pantai atau muara sungai malahan ada juga beberapa kerajaan berada di kawasan lebih pendalaman. Dalam pada itu, ada perdebatan di antara kalangan sarjana yang berpendapat bahawa lokasi kerajaan Chih-Tu ini terletak pada bahagian timur Semenanjung Malaysia iaitu di Tanah Merah di Kelantan.

Di samping itu, aktiviti perdagangan di Nusantara bermula sejak Zaman Prasejarah iaitu kira-kira pada 800 tahun yang laluan menjadi aktif bermula pada 5000 tahun dahulu. Hal ini demikian kerana peninggalan arkeologi yang terkumpul sejak 170 tahun yang lepas. Justeru itu, perdagangan yang terlibat adalah masyarakat yang berada di persisiran pantai dengan masyarakat pedalaman dan juga masyarakat pedalaman dengan pedalaman.

2.3 Kewujudan Tulisan Jawi di Tanah Melayu

Menurut Ibn Batutah (1964) telah menggunakan istilah al-Jawah bagi merujuk kepada kawasan Nusantara manakala perkataan Jawi digunakan bagi merujuk kepada penduduknya. Beliau berpandangan perkataan Jawah dan Jawi bukan sahaja merujuk kepada Kepulauan Jawa semata-mata kerana lebih meluas kepada seluruh wilayah Asia Tenggara termasuk dengan penduduknya sekali. Dalam pada itu, menurut Mahyudin (1986) berpandangan tulisan jawi ini merupakan tulisan yang huruf-huruf Arab yang digunakan di kepulauan Melayu. Perkataan "Jawi" yang berasal daripada bahasa Arab dimana abjad bahasa tersebut disesuaikan untuk penulisan bahasa Melayu. Oleh itu, perkembangan ini dari sudut asimilasi, Niswa Noralina Abdullah (2014) telah mencatatkan bahawa perkembangan jawi boleh dibahagikan kepada tiga peringkat perkembangan iaitu di mana pada peringkat awal tulisan jawi ini masih mempunyai unsur Arab. Pada peringkat pertengahan di mana unsur Arab beransur-ansur berasimilasi dengan unsur Melayu dan pada peringkat terakhir unsur-unsur Melayu mendominasi sepenuhnya.

2.4 Peranan Tulisan Jawi Di Dalam Perkembangan Islam Di Malaysia

Menurut Hashim Hj. Musa (2005) menyatakan bahawa tulisan jawi dan kedatangan islam di Kepulauan Melayu dan juga penggunaan tulisan tersebut pada Batu Bersurat yang ditemui di Terengganu yang bertarikh pada 702H atau 1303 M yang menunjukkan pengaruh islam di Tanah Melayu berlaku. Dalam penemuan batu bersurat terdapat kedudukan yang amat penting dan juga penghayatan dalam agama Islam di rantau Asia Tenggara ini bukan sahaja disebabkan tulisan jawi adalah yang pertama dalam bahasa Melayu akan tetapi kandungan dalam pelaksanaan hukum dan undang-undang jenayah dalam sesebuah negara Islam terkandung pada Batu Bersurat. Dalam pada itu, penemuan Batu Bersurat tersebut mengandungi 10 hukum.

Di dalam jurnal ini juga, menceritakan tentang bagaimana kedatangan atau penyebaran Islam di Kepulauan Melayu dimana ada beberapa bahasa yang telah dijadikan sebagai bahasa agama Islam dengan sistem penulisan yang digunakan berasaskan daripada skrip Arab seperti bahasa Parsi, Turki, Urdu dan juga bahasa Melayu. Di dalam jurnal ini juga menyatakan penggunaan Jawi pada Batu Bersurat yang dijumpai di Terengganu pada 702H atau 1303M.

2.5 Sejarah Kemasukan Seni Kaligrafi Dan Pengaruhnya Terhadap Tulisan Jawi di Nusantara

Kaligrafi jawi merupakan sesuatu nama yang ditulis dalam huruf Arab di Kepulauan Melayu. Perkataan jawi berasal daripada perkataan Jawa kerana kaligrafi Arab di Kepulauan Jawa mula bertapak. Justeru itu, apabila nama jawi dinisbahkan kepada Jawa apabila disebutkan adalah tidak menjadi satu keunikan. Oleh itu, kaligrafi jawi memainkan peranan yang penting dalam

masyarakat Nusantara yang mempunyai martabat kerana masyarakat Nusantara tidak memiliki apa-apa kaligrafi sebelum adanya kaligrafi jawi mahupun Arab.

Dalam pada itu, tidak mustahil kalau dikatakan bahawa tanpa tulisan Jawi masyarakat Nusantara masih lagi berada pada tahap kejahilan malahan tanpa penulisan juga mereka tidak boleh mempelajari sesuatu ilmu. Hal ini demikian kerana, sebelum dituliskan setiap ilmu perlu dihafal terlebih dahulu. Oleh itu, satu revolusi telah berlaku apabila kemasukan kaligrafi Arab sebagai contohnya masyarakat Nusantara mempelajari huruf tersebut sekaligus memberikan mereka kekuatan bagi mempelajari al-Quran dan hukum yang berkaitan dengan agama Islam.

Di samping itu, sudah diketahui bahawa bangsa Arab antara masyarakat yang paling banyak melakukan aktiviti melalui jalan laut bagi tujuan aktiviti perdagangan dan perniagaan. Hal ini bermakna tidak dapat lagi dinafikan bahawa sebelum kedatangan Islam merekalah yang mempelopori dan juga menopoli perniagaan. Justera itu, seorang sarjana Islam telah menceritakan sebelum kedatangan Islam, orang-orang Arab telah berlayar dari China ke negara Arab secara berulang alik dengan belayar menggunakan kapal di tengah-tengah Kepulauan Melayu melalui Selat Melaka. Sehubungan dengan itu, kedatangan kaligrafi Arab ke Alam Melayu melalui pedagang-pedagang Islam yang datang untuk melakukan aktiviti perdagangan sudah dikenalpastikan sekaligus mula menarik minat masyarakat untuk mempelajari dan mula terus berkembang.

2.6 Jenis-jenis Kaligrafi Jawi.

Dalam perkembangan kaligrafi jawi terdapat ratusan jenis kaligrafi akan tetapi tidak semua kaligrafi tersebut digunakan malahan kaligrafi tersebut tidak bertahan hingga saat ini. Terdapat beberapa kaligrafi yang dikenali dan popular yang dikenalkan oleh para pencinta seni kaligrafi iaitu:

2.6.1 Khufi

Kaligrafi Khufi (Rajah 2.1) merupakan kaligrafi tulisan Arab yang paling tua dan sumber penulisan huruf Arab yang pertama. Perkataan “Khufi” yang berasal daripada daerah “Kufah”. Dalam pada itu, kaligrafi ini juga sukar untuk difahami dan cara penulisan juga sukar untuk ditulis oleh umat Islam.



Rajah 2.1: Khat Khufi

2.6.2 Naskhi

Kaligrafi Naskhi (Rajah 2.2) merupakan kaligrafi yang sering digunakan oleh umat Islam dalam penulisan dalam Al-Quran, majalah dan juga surat khabar. Sehubungan dengan itu, kaligrafi Naskhi adalah kaligrafi yang mudah untuk dibaca dan difahami akan tetapi cara tulisan kaligrafi ini sukar untuk ditulis.



مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ فَلْيُكُلْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمِتْ

Rajah 2.2: Khat Naskhi

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.6.3 Thuluth

Dari sudut keunikan dan kecantikan, kaligrafi Thuluth (Rajah 2.3) adalah kaligrafi khat Arab yang paling terkenal berbeza dengan kaligrafi yang lain-lain. Hal ini demikian kerana, kaligrafi ini mempunyai keindahan dan keunikan dari segi susunan hurufnya. Kaligrafi ini mula diperkenalkan oleh Al-Wazir bin Maqlah. Keunikan dari segi penulisannya menyebabkan para penulis membuat keputusan bahawa tulisan ini hanya digunakan bagi bentuk tulisan hiasan sahaja seperti dinding-dinding masjid.



Rajah 2.3: Khat Thuluth

2.6.4 Farisi

Kaligrafi Farisi (Rajah 2.4) merupakan kaligrafi yang diilhamkan oleh seorang ulama yang paling terkenal iaitu Mir Ali al-Tibrizi. Kaligrafi ini amat terkenal di beberapa buah negara seperti India dan Pakistan. Gaya kaligrafi ini dikembangkan oleh ahli khat di Persia sekaligus menjadi huruf rasmi bagi bangsa ini. Dalam pada itu, kaligrafi Farisi ini mengutamakan pada unsur garis. Kaligrafi ini kebanyakannya digunakan pada penulisan buku-buku sastera, judul pada karangan majalah, surat khabar dan lain-lain. Selain itu, kaligrafi ini juga kebanyakannya digunakan di negara Persia, Pakistan dan Turki. Kebiasaannya tulisan Urdu ditulis dengan kaligrafi Farisi.



Rajah 2.4: Khat Farisi

MALAYSIA

KELANTAN

2.6.5 Diwani

Kaligrafi Diwani (Rajah 2.5) telah diilhamkan oleh seorang ahli seni Khat Turki iaitu Ibrahim Munif al-Muslim. Kaligrafi ini ini kebanyakannya digunakan bagi menulis surat rasmi kerajaan. Kaligrafi Diwani ini berkembang daripada bentuk Ri'qah yang menjadikan hurufnya berjalin-jalin. Antara ahli-ahli kaligrafi Diwani yang termahsyur adalah Syeikh Hamdullah al-Ansary, Jalauddin dan juga Al-Hafiz Usman.



Rajah 2.5: Khat Diwani

2.6.6 Riq'ah

Kaligrafi Riq'ah (Rajah 2.6) adalah hasil daripada perkembangan gaya penulisan Naskhi dan Thuluth. Mumtaz Bik yang berasal dari Turki merupakan orang yang pertama mengilhamkan penggunaan kaligrafi ini. Kebanyakan kaligrafi ini digunakan pada buku-buku dan majalah-majalah yang menjadikan kaligrafi ini antara kaligrafi rasmi.



Rajah 2.6: Khat Riq'ah

2.6.8 Diwani Jali

Kaligrafi Diwani Jali (Rajah 2.8) ini mempunyai sedikit perbezaan daripada kaligrafi Diwani. Hal ini demikian kerana kaligrafi ini lebih rumit dari segi penulisannya dan lebih banyak bentuk tetapi lebih cantik dan mempunyai nilai estetikanya. Kebiasannya kaligrafi ini diubah dalam bentuk perahu, ikan, daun dan sebagainya.



Rajah 2.8: Khat Diwani Jali

2.7 Rumusan Kajian

Dalam bab ini, kajian literature yang berkaitan dengan tajuk akan menerangkan berkaitan dengan kajian yang akan dibuat oleh pengkaji. Hal ini demikian kerana kajian literature boleh menjadikan pengkaji meneliti setiap kajian supaya tidak bertindih pendapat dan sebagainya. Oleh itu, setiap kajian yang dibuat haruslah mempunyai sokongan dan rujukan yang betul bagi menjadikannya kajian. Dalam bab ini akan dikaji berkenaan tentang sejarah kemasukan kaligrafi jawi, peranan kaligrafi jawi, jenis-jenis kaligrafi jawi yang ada dan sebagainya.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Metodologi kajian merupakan cara yang digunakan bagi menjalankan kajian yang akan dilakukan bagi memastikan kajian yang dilakukan berjalan dengan berkesan. Bab ini juga akan menerangkan mengenai langkah-langkah yang dilakukan dan pengumpulan maklumat mengenai kajian yang dilakukan oleh pengkaji yang bertajuk Pemeliharaan Kaligrafi Jawi: Satu Kajian di sekitar bandar Kota Bharu di Kelantan. Bagi melaksanakan kajian ini, pengkaji akan memastikan teknik-teknik yang digunakan dalam kajian ini yang dipilih mampu menjamin kajian yang lebih teratur dan teliti dalam pelbagai aspek.

Selain itu, pengkaji menggunakan tiga kaedah bagi melakukan kajian iaitu sebelum, semasa dan selepas kajian. Pada peringkat sebelum kajian dilakukan, pengkaji akan mencari sumber maklumat yang bersesuaian melalui kajian perpustakaan, internet, akhbar dan sebagainya. Dalam pada itu, pada peringkat semasa kajian, pengkaji telah menggunakan kaedah perpustakaan, lapangan, pemerhatian, temubual, soal selidik dan sebagainya. Hal ini demikian kerana maklumat yang diperolehi daripada kaedah yang dilakukan adalah betul dan tepat. Pada peringkat selepas kajian yang dilakukan, pengkaji menganalisis segala maklumat dan juga data yang diperolehi daripada peringkat sebelum dan semasa kajian yang dijalankan. Hal ini demikian kerana pengkaji akan memilih maklumat dan data yang bersesuaian bagi menyempurnakan satu laporan kajian yang lengkap dan sempurna. (Rajah 3.1).

3.2 Kerangka Kajian



Rajah 3.1: Kerangka Kajian

3.3 Sumber Kajian

Bagi menjalankan kajian, pengkaji telah menggunakan kaedah data primer dan data sekunder. Penyelidik juga menggunakan kaedah perpustakaan melalui buku-buku ilmiah dan sumber daripada internet. Penyelidik akan mendapatkan sumber kajian daripada kaedah temubual daripada individu yang seperti pihak Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) dimana pihak tersebut bertanggungjawab dalam pengurusan papan tanda. Selain itu, pengkaji juga akan menjalankan kajian di lapangan ke kawasan kajian iaitu di sekitar bandar Kota Bharu.

3.3.1 Data Primer

Data primer merupakan sumber data yang secara langsung akan memberikan data melalui data yang diperolehi kepada pengkaji. Data primer memfokuskan kepada kaedah penyelidikan seperti meninjau, kerja lapangan, temubual berserta borang soal selidik. Selain daripada itu, kaedah borang soal selidik juga digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan data dan maklumat yang tepat dan juga menggunakan kaedah temubual bagi mendapatkan data primer.

Di samping itu, kaedah temu bual dilakukan bagi mendapatkan beberapa pihak yang berkaitan dengan kajian dan mampu memberikan maklumat dan juga respon yang berguna dalam pengumpulan data dan maklumat bagi setiap kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji. Oleh itu, setiap temubual akan dicatat dan dirakam bagi dijadikan bahan bukti pengkaji dimana pengkaji telah melakukan kajian.

3.3.2 Data Sekunder

Data sekunder adalah merujuk kepada senarai sumber dan bahan rujukan yang diperolehi serta kaedah dalam mencari sumber maklumat melalui segala aspek yang berkenaan berdasarkan buku, jurnal, artikel, tesis, buku rujukan, penyelidikan perpustakaan, internet dan sebagainya. Selain itu, pengkaji memperolehi data berkenaan isu dan permasalahan yang berkaitan dengan pemeliharaan kaligrafi melalui isu yang timbul di dalam artikel dan juga keratan akhbar yang pernah keluar. Sumber-sumber sekunder daripada pengkaji terdahulu juga adalah sangat penting. Hal ini kerana bahan rujukan boleh dijadikan rujukan kepada pengkaji semasa membuat kajian.

3.4 Kaedah Kajian

Pengkaji hanya memfokuskan kepada reka bentuk kajian yang berbentuk:

3.4.1 Kajian Kuantitatif

Kajian kuantitatif dijalankan bagi mendapatkan fakta yang menggunakan pengukuran objektif dan analisis data dan pengukuran objektif bagi menjelaskan perkara yang dapat dijadikan panduan kepada amalan dan polisi. Selain itu, borang soal selidik adalah penting dalam kajian ini bagi memperolehi data secara keseluruhan. Selain daripada menggunakan borang soal selidik, kaedah yang lain seperti temu bual bersama dengan pihak yang mengetahui berkenaan dengan tajuk kajian dan masyarakat di sekitar bandar Kota Bharu. Walaubagaimanapun,

kajian kuantitatif mempunyai kelemahan iaitu tidak dapat menjelaskan sepenuhnya kerana kebanyakan masalah yang dikaji oleh pengkaji.

3.4.2 Kaedah Kualitatif

Kajian ini merupakan kajian bagi data kualitatif merupakan kaedah pengumpulan data yang tidak melibatkan bilangan ataupun ukuran yang berangka. Kaedah kualitatif adalah kaedah kajian pada sesuatu situasi dan individu bagi memperoleh maklumat dengan lebih terperinci dan tepat. Oleh itu, kajian ini dilakukan dalam satu kawasan yang melibatkan beberapa orang bagi memberikan data yang berkenaan dengan penggunaan kaligrafi jawi pada papan tanda. Sehubungan dengan itu, segala maklumat dan data akan diperolehi melalui kaedah temubual dan pemerhatian.

3.4.3 Kaedah Perpustakaan

Kajian perpustakaan adalah merupakan kaedah yang paling penting bagi mendapatkan maklumat serta informasi tambahan yang boleh dijadikan sebagai bahan rujukan bagi menjalankan kajian ini. Kajian perpustakaan menggunakan data sekunder yang meliputi seperti bahan bacaan daripada buku, jurnal, artikel, tesis dan majalah. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan akses sebagai pelajar bagi meminjam dan menggunakan segala kemudahan yang telah disediakan di perpustakaan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bagi memperoleh maklumat sebelum menjalankan kajian yang berkaitan dengan tajuk kajian yang akan dijalankan. Antara medium yang digunakan dalam mendapatkan maklumat adalah buku, akhbar, jurnal dan juga internet. Di samping itu,

pengkaji juga mencari maklumat kajian di luar seperti Perpustakaan Awam Kelantan bagi mendapatkan maklumat tambahan.

3.4.4 Kaedah Pemerhatian

Kaedah pemerhatian memainkan peranan yang menyempurnakan kajian yang akan dilakukan. Dalam pada itu, kaedah pemerhatian salah satu kaedah dari segi kaedah memerhati, merekod dan mencatat setiap tindakbalas pembolehubah yang berlaku dalam bidang yang dikaji. Pengkaji akan membuat pemerhatian bagi mendapatkan data maklumat tentang kajian yang dikaji sebagai maklumat bagi menguatkan fakta semasa melakukan kajian yang dikaji.

3.4.5 Kaedah Temu Bual

Secara umumnya, kaedah temubual merupakan proses perbualan yang memperolehi penjanaan idea daripada memperolehi fakta-fakta yang tertentu. Kaedah temubual merupakan kaedah yang berkesan apabila digunakan dalam mengumpulkan segala maklumat dalam data yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Pengkaji akan menemuramah beberapa orang responden untuk mengetahui tentang kaligrafi jawi. Selain itu, pengkaji juga akan menemubual pihak berkuasa iaitu Majlis Perbandaran Kota Bharu bagi mendapatkan maklumat tentang penggunaan kaligrafi jawi pada papan tanda.

3.4.6 Kaedah Soal Selidik

Secara umumnya, kaedah soal selidik adalah set soalan yang berbentuk penulisan bagi mendapatkan respon daripada orang ramai berkenaan dengan kajian yang dikaji. Oleh itu, kaedah soal selidik dirangka dengan khusus bagi mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan setelah dianalisis agar dapat menjawab persoalan kajian yang dijalankan. Melalui soal selidik juga maklumat tentang responden berhubungan dengan respon mereka boleh dirahsiakan. Oleh itu, dapat dijawab oleh responden soalan yang berkenaan dengan selesa tanpa mempunyai perasaan risau mahupun bimbang. Selain itu, borang soal selidik terbahagi kepada dua bahagian iaitu mengenai latar belakang bagi responden seperti jantina, umur, bangsa dan pekerjaan pada bahagian pertama manakala pada bahagian yang kedua adalah berkenaan dengan pengetahuan responden berkenaan tentang kaligrafi jawi. Oleh itu, data yang diambil daripada responden akan dikumpulkan dan direkodkan bertujuan bagi kajian yang dilakukan. Borang soal selidik bagi akan disediakan oleh pengkaji bagi pengumpulan maklumat untuk tujuan kajian yang dilakukan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

3.5 Rumusan Bab

Setiap data dan maklumat yang diperolehi akan digunakan oleh pengkaji bagi melengkapkan kajian dengan baik dan sempurna. Berdasarkan penyelidikan ini, pengkaji dapat mengenalpasti kaedah yang bersesuaian yang digunakan dalam kajian yang dilakukan. Dalam pada itu, dua sumber data iaitu data primer dan data sekunder yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Oleh itu, pengkaji juga menggunakan kaedah lain seperti kaedah kuantitatif dan kualitatif, kaedah temubual, kaedah perpustakaan, kaedah pemerhatian dan sebagainya kaedah yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN


4.1 Pengenalan

Dalam bab ini, kajian yang telah dilakukan adalah dengan menganalisis dapatan kajian yang diperolehi yang berpandukan kepada tiga objektif kajian. Objektif kajian yang pertama adalah mengkaji sejarah kaligrafi jawi di negeri Kelantan. Objektif yang kedua adalah mendokumentasikan penggunaan kaligrafi jawi pada papan tanda di sekitar bandar Kota Bharu. Objektif yang terakhir adalah mengetahui jenis-jenis kaligrafi jawi pada papan tanda di sekitar bandar Kota Bharu, Kelantan.

Dalam analisis dan dapatan kajian ini, seramai 100 orang responden yang telah menjawab soal selidik ini bagi mendapatkan data yang tepat untuk kajian selidik ini. Semua data yang diperolehi bagi mendapatkan maklumat untuk mencapai objektif kajian. Di samping itu, data kajian juga diperolehi melalui kaedah pemerhatian dan kaedah borang soal selidik. Kaedah pemerhatian yang dijalankan adalah dengan membuat tinjauan ke tempat kajian iaitu di sekitar bandar Kota Bharu dari Jalan Pasar Siti Khadijah hingga Jalan Hulu Pasar. Selain itu, dapatan kajian yang lain menggunakan jurnal-jurnal dan buku ilmiah yang berkaitan dengan kaligrafi jawi di negeri Kelantan.


4.2 Analisis Borang Soal Selidik

Analisis daripada borang soal selidik yang dirangka untuk memenuhi objektif kajian yang dijalankan. Borang soal selidik ini dilakukan bagi menjawab objektif kajian yang berkaitan tentang kaligrafi jawi pada papan tanda. Seramai 100 orang responden yang telah dipilih untuk menjawab soalan bagi kaji selidik ini dan diedarkan melalui "Google Form" kepada responden. Borang soal selidik yang diedarkan untuk mengetahui pengetahuan umum masyarakat berkenaan dengan kaligrafi Jawi di negeri Kelantan. Daripada keseluruhan responden yang terlibat adalah seramai 100 orang responden, jumlah peratusan paling rendah iaitu sebanyak 36% yang dicatatkan adalah terdiri daripada responden lelaki manakala peratusan paling tinggi iaitu 64% terdiri daripada perempuan. Oleh itu, carta pai dibawah ini menunjukkan jumlah peratusan bagi responden yang terlibat pada rajah 4.1.



Rajah 4.1: Peratusan responden mengikut jantina

Responden yang terlibat bagi soal selidik ini adalah daripada pelbagai peringkat umur antaranya daripada umur 18-25 tahun sebanyak 61%, 25-30 tahun sebanyak 20%, 31-35 tahun sebanyak 8%, 36-40 tahun sebanyak 8% dan bagi umur 41 tahun ke atas sebanyak 3%. Pada rajah 4.2 dibawah menunjukkan peratusan bagi peringkat umur yang terlibat dalam kaji selidik ini.



Rajah 4.2: Peratusan responden mengikut umur

Selain itu, bagi responden mengikut kaum yang terdiri daripada kaum Melayu, Cina dan India. Bagi peratusan kaum Melayu adalah sebanyak 88%, kaum Cina sebanyak 7% manakala kaum India sebanyak 5%. Bagi peratusan responden bagi kaum Melayu adalah paling tinggi kerana kaum Melayu lebih mengetahui tentang kaligrafi Jawi berbanding dengan kaum Cina dan juga India yang kurang mengetahui tentang kaligrafi Jawi. Pada rajah 4.3 dibawah menunjukkan peratusan responden mengikut kaum terdiri daripada Melayu, Cina dan India yang terlibat dalam kaji selidik ini.



Rajah 4.3: Peratusan responden mengikut kaum


Bagi penglibatan responden dalam soal selidik yang terdiri daripada responden yang bekerja dalam sektor kerajaan dan swasta. Selain itu, responden juga yang terlibat juga adalah terdiri daripada bekerja sendiri, tidak bekerja dan juga belajar. Peratusan yang paling tinggi adalah terdiri daripada responden yang belajar adalah sebanyak 50% manakala bagi responden dalam sektor kerajaan adalah sebanyak 10%, swasta pula sebanyak 7%, dan bagi responden yang bekerja sendiri peratusan sebanyak 21% manakala yang tidak bekerja sebanyak 12%. Gambar rajah 4.4 dibawah menunjukkan peratusan bagi sektor pekerjaan.



Rajah 4.4: Peratusan respon mengikut sektor pekerjaan

Bagi responden yang terlibat dalam soal selidik bagi status yang berkahwin, bujang dan lain-lain. Peratusan paling tinggi bagi responden yang berkahwin adalah sebanyak 66% manakala bagi peratusan responden yang bujang adalah sebanyak 34%.

Rajah 4.5 dibawah menunjukkan peratusan bagi status responden yang terlibat.



Rajah 4.5: Peratusan responden mengikut status

4.3 Analisis Terhadap Reaksi Responden

Jadual 4.6 menunjukkan keputusan yang diberikan oleh para responden pada kaji selidik yang dijalankan di negeri Kelantan berkenaan dengan Pemeliharaan Kaligrafi Jawi. Bagi soalan yang diberikan berdasarkan pengetahuan responden berkenaan dengan pengetahuan responden terhadap Kaligrafi Jawi. Bagi soalan yang pertama menerangkan tentang kewujudan kaligrafi jawi dalam memelihara warisan Melayu dari semasa ke semasa kepada satu generasi kepada generasi yang akan datang. Hasil daripada keputusan bagi soalan ini adalah sebanyak 90% menjawab ya manakala 10% menjawab tidak. Hal ini demikian kerana kebanyakan responden yang menjawab mengetahui kewujudan kaligrafi Jawi dimana perlu dipelihara dari masa ke semasa untuk generasi yang akan datang.

Bagi soalan yang kedua pula menerangkan tentang kaligrafi Jawi merupakan warisan tak ketara yang terulung dimana semakin dilupakan oleh masyarakat Melayu di Malaysia. Hasil daripada keputusan daripada responden yang menjawab bagi soalan ini adalah sebanyak 77% menjawab ya manakala 23% menjawab tidak. Hal ini demikian kerana responden mengetahui dimana kaligrafi Jawi ini adalah warisan yang semakin dilupakan oleh masyarakat Melayu pada masa kini.

Di samping itu, bagi soalan yang ketiga pula menerangkan tentang penggunaan bahasa Melayu yang perlu diperkembangkan kaligrafi jawinya sering dengan tulisan rumi juga. Hasil keputusan daripada responden yang menjawab bagi soalan ini sebanyak 87% menjawab ya manakala 13% menjawab tidak. Oleh yang demikian, responden dapat mengetahui dalam penggunaan bahasa Melayu juga perlu mengembangkan kaligrafi Jawi yang seiring dengan tulisan rumi.

Bagi soalan yang keempat berkenaan dengan peranan pihak berkuasa seperti agensi kerajaan yang bertanggungjawab perlu mengambil langkah bagi memelihara kaligrafi jawi sebagai salah satu warisan bagi bangsa Melayu. Hasil daripada responden yang menjawab soal selidik ini adalah sebanyak 88% menjawab ya manakala 12%

menjawab tidak. Oleh yang demikian, responden berpendapat peranan daripada pihak berkuasa amat penting untuk bertanggungjawab dalam mengambil langkah bagi memelihara kaligrafi Jawi untuk warisan bangsa Melayu.


Selain itu, bagi soalan yang kelima pula berkenaan tentang masyarakat pada hari ini mengetahui atau tidak jenis-jenis tulisan kaligrafi jawi yang digunakan pada papan tanda atau lain-lain penggunaan tulisan tersebut. Hasil daripada keputusan tersebut menunjukkan sebanyak 49% menjawab ya manakala 51% menjawab tidak. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kebanyakannya tidak mengetahui jenis-jenis kaligrafi Jawi yang digunakan pada papan tanda atau lain-lain penggunaan kaligrafi tersebut.

Bagi soalan yang keenam berkenaan tentang memperbanyakkan bahan bacaan yang menggunakan kaligrafi Jawi di pasaran bagi membantu masyarakat memantapkan kebolehan dalam menggunakan tulisan kaligrafi jawi ini. Hasil keputusan daripada responden sebanyak 87% menjawab ya dan 13% menjawab tidak. Oleh itu, responden berpendapat dengan memperbanyakkan bahan bacaan bagi menggunakan kaligrafi Jawi di pasaran dapat membantu masyarakat pada hari ini untuk memantapkan lagi kebolehan dalam menggunakan kaligrafi tersebut.

Akhir sekali, bagi soalan yang terakhir berkenaan tentang tulisan kaligrafi Jawi perlu diperbanyakkan dalam media massa untuk tujuan memberikan lagi pendedahan tentang tulisan kaligrafi jawi. Hasil daripada keputusan tersebut sebanyak 84% menjawab ya dan 16% menjawab tidak. Oleh yang demikian, dapat dilihat peranan media massa yang penting untuk mendedahkan kepada masyarakat tentang kaligrafi tersebut. Gambar rajah 4.7 menunjukkan peratusan bagi pengetahuan responden berkenaan tentang kaligrafi Jawi.

Jadual 4.6: Pengetahuan responden berkenaan tentang kaligrafi Jawi

BIL	PENGETAHUAN TENTANG KALIGRAFI JAWI	KEPUTUSAN			
		YA		TIDAK	
1.	Kaligrafi Jawi merupakan warisan Melayu yang perlu dipelihara kewujudannya dari semasa ke semasa kepada satu generasi kepada generasi yang akan datang.	90	90%	10	10%
2.	Kaligrafi Jawi merupakan warisan tak ketara yang terulung dimana semakin dilupakan oleh masyarakat Melayu di Malaysia.	77	77%	23	23%
3.	Dalam penggunaan bahasa Melayu, kaligrafi jawi perlu diperkembangkan sering dengan tulisan rumi juga.	87	87%	13	13%
4.	Pihak berkuasa seperti agensi kerajaan yang bertanggungjawab perlu mengambil langkah bagi memelihara kaligrafi jawi sebagai salah satu warisan bagi bangsa Melayu.	88	88%	12	12%
5.	Masyarakat pada hari ini mengetahui jenis-jenis tulisan kaligrafi jawi yang digunakan pada papan tanda atau lain-lain penggunaan tulisan tersebut.	49	49%	51	51%
6.	Memperbanyakkan bahan bacaan yang menggunakan kaligrafi jawi di pasaran bagi membantu masyarakat memantapkan kebolehan dalam menggunakan tulisan kaligrafi jawi ini.	87	87%	13	13%
7.	Tulisan kaligrafi jawi perlu diperbanyakkan dalam media massa untuk tujuan memberikan lagi pendedahan tentang tulisan kaligrafi jawi.	84	84%	16	16%



Rajah 4.7: Peratusan pengetahuan responden tentang kaligrafi Jawi

Jadual 4.8 menunjukkan keputusan yang diberikan oleh para responden pada kaji selidik yang dijalankan di negeri Kelantan berkenaan dengan Pemeliharaan Kaligrafi Jawi. Bagi soalan yang diberikan berdasarkan pengetahuan responden berkenaan dengan tahap pengetahuan responden berkenaan tentang jenis-jenis kaligrafi. Bagi soalan yang pertama menerangkan tentang adakah kaligrafi ini jenis kaligrafi “Khufi”. Hasil daripada keputusan responden menunjukkan sebanyak 60% menjawab ya dan 40% menjawab tidak. Hal ini dapat dilihat bahawa responden dapat mengenali jenis kaligrafi bagi jenis Khufi.

Selain itu, bagi soalan yang kedua berkenaan dengan adakah kaligrafi ini jenis kaligrafi “Thulluth”. Hasil keputusan menunjukkan sebanyak 37% menjawab ya manakala 63% menjawab tidak bagi soalan tersebut. Hal ini demikian kerana berkemungkinan responden tidak dapat mengenali kaligrafi tersebut kerana kaligrafi ini berbeza dengan kaligrafi yang lain dan hanya digunakan pada bentuk hiasan sahaja seperti dinding-dinding masjid.

Bagi soalan yang ketiga berkenaan dengan adakah kaligrafi ini jenis “Diwani”. Hasil keputusan daripada responden menunjukkan bahawa sebanyak 36% menjawab ya manakala 64% menjawab tidak. Oleh yang demikian, hasil keputusan tersebut mendapati bahawa responden tidak dapat mengenali jenis kaligrafi Diwani kerana agak sukar untuk dikenali dan kaligrafi ini hanya digunakan pada surat rasmi kerajaan sahaja. Seterusnya, bagi soalan yang keempat berkenaan dengan adakah kaligrafi ini jenis “Diwani Jali”. Hasil keputusan menunjukkan sebanyak 50% menjawab ya manakala 50% menjawab tidak.





Bagi soalan yang kelima pula berkenaan dengan adakah kaligrafi ini jenis “Naskhi”. Hasil daripada keputusan responden menunjukkan bahawa sebanyak 72% menjawab ya manakala 28% menjawab tidak. Hal ini demikian kerana kaligrafi ini digunakan dalam penulisan dalam Al-Quran, majalah dan juga surat khabar manakala kaligrafi ini yang mudah untuk dibaca dan difahami. Selain itu, bagi soalan yang keenam berkenaan dengan adakah kaligrafi ini jenis “Farisi”. Hasil daripada keputusan responden menunjukkan sebanyak 39% menjawab ya manakala 61% menjawab tidak. Oleh itu, didapati bahawa responden tidak mengetahui kaligrafi ini kerana kebanyakannya digunakan pada penulisan buku-buku sastera, judul pada karangan majalah, surat khabar dan lain-lain.





Bagi soalan yang ketujuh menerangkan tentang adakah kaligrafi ini jenis “Ijazah (Raihani)”. Hasil daripada keputusan responden menunjukkan bahawa sebanyak 43% menjawab ya manakala 57% menjawab tidak. Hal ini demikian kerana kaligrafi ini lebih rumit dari segi penulisannya dan lebih banyak bentuk tetapi lebih cantik dan mempunyai nilai estetika dan kebiasannya kaligrafi ini diubah dalam bentuk perahu, ikan, daun dan sebagainya.


Bagi soalan yang terakhir menerangkan tentang adakah kaligrafi ini jenis “Ri’qah”. Hasil keputusan responden menunjukkan sebanyak 44% menjawab ya manakala 56% menjawab tidak. Hal ini demikian kerana kaligrafi ini digunakan pada buku-buku dan majalah-majalah yang menjadikan kaligrafi ini antara kaligrafi rasmi. Oleh

itu, responden tidak mengetahui jenis kaligrafi tersebut. Gambar rajah 4.9 menunjukkan peratusan responden mengenai tahap pengetahuan responden tentang jenis kaligrafi Jawi.

Jadual 4.8: Tahap pengetahuan responden tentang jenis kaligrafi Jawi

BIL	TAHAP PENGETAHUAN TENTANG JENIS KALIGRAFI JAWI	KEPUTUSAN			
		YA		TIDAK	
1.	Adakah kaligrafi ini jenis kaligrafi “Khufi”? 	60	60%	40	40%
2.	Adakah kaligrafi ini jenis kaligrafi “Thuluth”? 	37	37%	63	63%
3.	Adakah kaligrafi ini jenis kaligrafi “Diwani”? 	36	36%	64	64%
4.	Adakah kaligrafi ini jenis kaligrafi “Diwani Jali”? 	50	50%	50	50%

5.	Adakah kaligrafi ini jenis kaligrafi “Naskhi”? 	72	72%	28	28%
6.	Adakah kaligrafi ini jenis kaligrafi “Farisi”? 	39	39%	61	61%
7.	Adakah kaligrafi ini jenis kaligrafi “Ijazah (Raihani)”? 	43	43%	57	57%
8.	Adakah kaligrafi ini jenis kaligrafi “Ri’qah”? 	44	44%	56	56%



Rajah 4.9: Peratusan responden tentang tahap pengetahuan jenis kaligrafi Jawi

4.4 Analisis Kajian

4.4.1 Sejarah Perkembangan Kaligrafi Jawi Di Negeri Kelantan

Kemasukan bahasa Arab ke negeri Kelantan tidak dapat dipisahkan dalam membincangkan tentang kedatangan Islam. Hal ini demikian kerana Islam dan bahasa Arab adalah dua perkara yang saling berkait antara satu sama lain. Oleh itu, sukar untuk dinyatakan dengan tepat tentang bila Islam mula bertapak di negeri Kelantan kerana tidak ada kesan-kesan sejarah yang dapat memberikan bukti yang sahih mengenai tersebut seperti batu nisan, batu bersurat mahupun tulisan, karya atau catatan yang dapat digambarkan untuk membuktikan sejarah kemasukan islam ke negeri Kelantan.

Dalam pada itu, ahli-ahli sejarah tempatan meletakkan tarikh kedatangan Islam di Kelantan adalah sebelum tahun 1181M (577H). Hal ini demikian kerana penemuan sekeping dinar emas yang ditemui di Kelantan pada tahun 131 M (1332H). Menurut penulis tersebut, dinar emas tersebut mengandungi tulisan Arab. Selain daripada itu, pada tahun 1297M (697H) seorang pengembara Arab yang bernama Ibnu Batutah yang berlayar ke India dan ada yang menyatakan bahawa tempat persinggahannya adalah di Kuala Krai dimana menurut beliau pernah menemui seorang raja perempuan yang telah memeluk islam. Oleh yang demikian, berdasarkan kenyataan yang dinyatakan oleh Ibnu Batutah maka boleh dinyatakan bahawa Islam telahpun bertapak di negeri Kelantan sebelum tahun 1297M (697H).

Dalam pada itu, ada seorang pengkaji sejarah berpendapat bahawa agama Islam telah tiba di negeri Kelantan atau di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu sejak abad pertama Hijrah iaitu pada pemerintahan Umar bin Al-Khattab r.a antara tahun 13-23H (634-644M). Sehubungan dengan itu, Raja Kelantan adalah orang yang pertama yang memeluk Islam dimana

dahulunya beragama Buddha dan kemudiannya menukar nama kepada nama islam iaitu Raja Abdullah.

Daripada pendapat-pendapat yang diberikan oleh setiap para sejarahwan, walaupun berlainan tarikh yang diberikan tentang kemasukan Islam di negeri Kelantan namun dapat pengkaji simpulkan adalah islam telah lama bertapak di Kelantan. Selain daripada itu, 17 November 2005 merupakan pengisytiharan Kota Bharu sebagai sebuah bandaraya Islam merupakan satu titik tolak kepada pengiktirafan penggunaan kaligrafi atau tulisan Jawi dalam negeri tersebut.

4.4.2 Pendokumentasian Kaligrafi Jawi Pada Papan Tanda

Dalam dapatan kajian ini melalui kaedah pemerhatian dilakukan bagi pendokumentasian bagi kaligrafi jawi yang terdapat pada papan tanda seperti premis perniagaan atau pada papan tanda pada jalan raya. Melalui kaedah ini dapat dilihat penggunaan jenis kaligrafi jawi yang digunakan pada papan tanda tersebut.

Dalam pada itu, di dalam kaedah pemerhatian yang dilakukan terdapat beberapa jenis kaligrafi Jawi yang digunakan pada papan tanda di premis perniagaan di sekitar bandar Kota Bharu, Kelantan iaitu jenis kaligrafi Jawi Naskhi, Khufi dan Thuluth yang dapat dikenalpasti oleh pengkaji melalui kaedah pemerhatian yang dilakukan. Oleh yang demikian, pengkaji memilih untuk mengenalpasti beberapa papan tanda yang mempunyai kaligrafi yang berlainan jenisnya yang terdapat di Jalan Pasar Khadijah hingga Jalan Hulu Pasar. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa penggunaan jenis kaligrafi Jawi bukanlah hanya satu jenis sahaja malahan boleh menggunakan pelbagai jenis kaligrafi yang bersesuaian dan boleh difahami oleh masyarakat sekeliling. Pada jadual 5.0 menunjukkan beberapa kaligrafi Jawi yang berlainan jenis yang digunakan

pada papan tanda di sekitar bandar Kota Bharu, Kelantan dari Jalan Pasar Khadijah hingga Jalan Hulu Pasar.

Jadual 5.0: Penggunaan kaligrafi Jawi yang berlainan jenis pada papan tanda di sekitar bandar Kota Bharu, Kelantan dari Jalan Pasar Khadijah hingga Jalan Hulu Pasar.



Pada jadual di atas menunjukkan beberapa penggunaan kaligrafi Jawi yang pada papan tanda di sekitar bandar Kota Bharu, Kelantan dari Jalan Pasar Khadijah hingga Jalan Hulu Pasar. Hal ini demikian kerana terdapat perbezaan penggunaan jenis kaligrafi jawi yang digunakan pada papan tanda di sekitar bandar Kota Bharu dari Jalan Pasar Siti Khadijah hingga Jalan Hulu Pasar. Oleh itu, pengkaji akan mengkaji dan mengenalpasti jenis penggunaan kaligrafi jawi yang digunakan pada papan tanda tersebut.


4.4.3 Jenis Penggunaan Kaligrafi Jawi Pada Papan Tanda

Hasil daripada dapatan pendokumentasian kaligrafi Jawi pada papan tanda melalui kaedah pemerhatian, pengkaji dapat menunjukkan beberapa jenis penggunaan kaligrafi Jawi yang dapat dikenalpasti jenis kaligrafi yang digunakannya. Terdapat beberapa jenis kaligrafi yang digunakan pada papan tanda tersebut. Oleh itu, dapat dilihat penggunaan bagi kaligrafi Jawi bukannya hanya satu jenis sahaja akan tetapi pelbagai jenis kaligrafi tersebut digunakan pada papan tanda di sekitar bandar Kota Bharu, Kelantan dari Jalan Pasar Khadijah hingga Jalan Hulu Pasar.

Hasil daripada pendokumentasian tersebut, jenis kaligrafi yang dapat dikenalpasti oleh pengkaji adalah penggunaan kaligrafi Jawi yang paling popular

dan dominan adalah Naskhi. Selain itu, terdapat juga jenis penggunaan kaligrafi Jawi yang lain seperti kaligrafi Jawi jenis Thuluth dan Khufi. Pada Jadual 5.1 menunjukkan jenis penggunaan kaligrafi Jawi pada papan tanda di premis perniagaan di sekitar bandar Kota Bharu, Kelantan daru Jalan Pasar Khadijah hingga Jalan Hulu Pasar.

Pada Jadual 5.1 menunjukkan jenis penggunaan kaligrafi Jawi pada papan tanda di premis perniagaan.

BIL	PAPAN TANDA	JENIS KALIGRAFI
1.		Khat Naskhi

<p>2.</p>		<p>Khat Khufi</p>
<p>3.</p>		<p>Khat Thuluth</p>

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.5 Aspek Penggunaan Kaligrafi Pada Papan Tanda

Pada tanggal 17 November 2005, pengisytiharan Kota Bharu sebagai sebuah bandaraya Islam merupakan satu titik tolak kepada pengiktirafan penggunaan kaligrafi atau tulisan Jawi dalam negeri tersebut. Melalui pengisytiharan tersebut, seminar-seminar dan juga bengkel yang berkaitan dengan pemantapan penggunaan tulisan atau kaligrafi dengan pemantapan penggunaan kaligrafi tersebut semakin diperkukuhkan serta menjadi wadah kepada penggubalan undang-undang yang mewajibkan penggunaan tulisan atau kaligrafi tersebut pada papan tanda pada setiap lot perniagaan di bandar Kota Bharu pada tahun 2008. Oleh itu, pihak yang terlibat adalah Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB) yang merupakan badan yang bertanggungjawab terhadap pemantauan serta menguatkuasa undang-undang bagi memelihara kelestarian Jawi yang dianggap sangat penting sebagai ciri-ciri bagi sebuah bandaraya Islam malahan elemen yang disentuh juga bagi mempertahankan kaligrafi Jawi agar tidak hilang.

Di samping itu, setelah merujuk kepada akta Undang-undang Iklan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI) pada tahun 1990, MPKB-BRI telah meletakkan syarat bagi sesuatu iklan yang dipamerkan hendaklah menggunakan tulisan Jawi. Walaubagaimanapun, penulisan kaligrafi Jawi perlulah ditulis tulisan khat dan juga merujuk kepada pakar-pakar yang ada seperti Persatuan Seni Khat Kebangsaan Cawangan Kelantan, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dan lain-lain agensi yang mahir dalam penulisan tersebut. Oleh itu, apabila syarat telah ditetapkan oleh MPKB-BRI berkenaan dengan syarat penggunaan iklan tidak sama sekali membebankan penduduk di sekitar bandar Kota Bharu terutamanya kepada para peniaga yang perlu mengubah papan tanda yang dipamerkan. Bagi mereka, ianya bukanlah sesuatu yang baharu kerana mereka sudah terbiasa dengan penggunaan tulisan tersebut malahan ini adalah usaha bagi generasi muda supaya tidak melupakan warisan yang terulung ini untuk

masa yang akan datang. Menurut Lee Seng Long, beliau sama sekali tidak kekok untuk membaca tulisan kaligrafi jawi namun segelintir pembeli juga terkejut kerana beliau dapat membaca tulisan tersebut malah beliau juga sudah terbiasa dalam kehidupan sehariannya (Temubual: Lee Seng Long, 2020).

4.6 Rumusan Bab

Rumusan bagi bab ini dapat disimpulkan bahawa pengkaji telah menggunakan duan kaedah bagi kajian ini iaitu kuantitatif dan kualitatif bagi memperolehi data-data. Kaedah borang soal selidik turut digunakan bagi mengetahui pengetahuan dan kewujudan tentang kaligrafi jawi manakala bagi objektif kedua dan ketiga menggunakan kaedah kajian berbentuk pemerhatian dan temubual dimana pengkaji mengunjungi ke lokasi kajian dan menemubual seorang responden bagi mendapatkan data-data yang lebih tepat mengenai kajian ini. Oleh itu, berdasarkan data-data yang diperolehi dapat pengkaji simpulkan bahawa segelintir masyarakat pada zaman kini kurang mengetahui jenis-jenis kaligrafi jawi yang terdapat pada papan tanda pada premis perniagaan dan kurang berpengetahuan dalam sejarah kewujudan kaligrafi jawi di Kelantan.

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Dalam bab ini, perbincangan mengenai cadangan dan kesimpulan yang akan dilakukan berdasarkan keseluruhan penyelidikan yang telah dijalankan iaitu mengenai Pemeliharaan Kaligrafi Jawi: satu kajian di sekitar bandar Kota Bharu dari Jalan Pasar Siti Khadijah hingga Jalan Hulu Pasar. Dalam pada itu, kajian penyelidikan ini telah banyak memberikan pengkaji peluang bagi mempelajari pelbagai kaedah dan cara untuk memperoleh data yang tepat dan sahih. Di samping itu, pengkaji juga telah berjaya menghadapi setiap cabaran sepanjang tempoh bagi mendapatkan data dan responden. Antaranya cabaran yang dihadapi dalam kajian penyelidikan ini adalah masyarakat sekeliling yang sukar memberikan kerjasama dalam mendapatkan data. Oleh itu, kesemua data yang diperoleh adalah untuk menjawab persoalan kajian sekaligus dapat melengkapkan objektif kajian bagi kajian ini.

5.2 Interpretasi data

Kaligrafi jawi adalah warisan Melayu yang perlu dijaga daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Dalam pada itu, pihak yang berkuasa yang terlibat secara langsung atau tidak langsung perlu memainkan peranan yang penting bagi memelihara warisan tersebut. Sebagai generasi muda, haruslah memartabatkan kembali kaligrafi jawi ini agar tidak lupakan kerana tulisan ini merupakan warisan Melayu yang perlu dijaga dan dipelihara. Di samping itu,

terdapat juga kajian-kajian yang terdahulu yang telah mula mengkaji tentang kaligrafi jawi tersebut bukan sahaja di Kelantan malah di negeri lain juga. Tidak kurang juga terdapat kajian dahulu berkenaan dengan kewujudan tulisan jawi di Tanah Melayu dan juga mengenai sejarah kemasukan seni kaligrafi dan juga pengaruhnya terhadap tulisan jawi di Nusantara. Oleh itu, pengkaji dapat mencapai objektif bagi kajian ini dalam mengetahui beberapa jenis kaligrafi jawi yang ada dan sekaligus dapat mengetahui tentang sejarah kaligrafi jawi melalui kajian terdahulu yang dikaji.

Pada bahagian metodologi kajian pula, pengkaji dapat merangka setiap data dan maklumat yang diperolehi dengan menggunakan tiga kaedah bagi melakukan kajian iaitu sebelum, semasa dan selepas kajian. Dalam pada itu, pengkaji juga menggunakan dua sumber data iaitu data primer dan data sekunder dalam kajian ini. Oleh itu, pengkaji juga menggunakan kaedah lain seperti kaedah kuantitatif dan kualitatif, kaedah temubual, kaedah perpustakaan, kaedah pemerhatian dan sebagainya kaedah yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan.

Dalam bahagian dapatan kajian, pengkaji dapat mengumpulkan segala maklumat yang diperolehi daripada data borang soal selidik. Selain itu, maklumat juga diperolehi daripada pendokumentasian bagi mengetahui penggunaan kaligrafi jawi pada papan tanda di sekitar bandar Kota Bharu dari Jalan Pasar Khadijah hingga Jalan Hulu Pasar sekaligus pengkaji dapat memperolehi jenis kaligrafi jawi yang digunakan pada papan tanda. Oleh itu, dalam dapatan kajian pengkaji dapat mencapai objektif bagi kajian ini.

5.3 Cadangan

Dalam pengkaji memberikan beberapa cadangan dalam memperkasakan lagi kaligrafi Jawi ke peringkat antarabangsa.

5.3.1 Mengadakan Bengkel Kaligrafi Jawi

Cadangan dalam memperkasakan kaligrafi Jawi ke peringkat antarabangsa adalah dengan mengadakan bengkel kaligrafi Jawi pada setiap tahun. Hal ini demikian kerana bagi melatih generasi yang akan datang supaya berkebolehan serta mahir dalam kaligrafi Jawi. Dalam mengadakan bengkel, para tenaga pengajar haruslah terdiri daripada golongan yang mahir dan juga berpengalaman dalam kaligrafi Jawi agar dapat memberikan pembelajaran yang lancar serta sempurna. Oleh itu, pihak Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI) haruslah bertanggungjawab dalam mengadakan bengkel tentang kaligrafi Jawi di dalam menganjurkan bengkel tersebut kepada masyarakat setempat.

5.3.2 Mempertingkatkan Pembelajaran Kaligrafi Pada Peringkat Awal Kanak-kanak

Cadangan dalam memperkasakan kaligrafi ini adalah dengan mempertingkatkan pembelajaran kaligrafi Jawi pada peringkat awal kanak-kanak. Hal ini demikian kerana pembelajaran kaligrafi pada peringkat awal kanak-kanak mudah untuk dipelajari kerana pada peringkat awal ini mudah untuk difahami serta mempelajarinya. Oleh itu, peranan institusi pendidikan perlulah mengadakan satu inisiatif yang berkesan dengan menjadikan pembelajaran dalam pengajian kaligrafi Jawi sebagai salah satu subjek yang wajib di setiap institusi pendidikan di negeri Kelantan mahupun di seluruh negeri. Sebagai

contohnya di peringkat pendidikan awal kanak-kanak seperti Tadika dan Pasti serta di sekolah rendah, menengah dan sebagainya.

5.3.3 Mengadakan Pertandingan Kaligrafi Jawi

Bagi cadangan dalam memperkasakan kaligrafi Jawi adalah dengan mengadakan pertandingan kaligrafi Jawi dalam bidang penulisan kaligrafi Jawi pada setiap tahun. Dalam pada itu, dapat memartabatkan kembali seni kaligrafi Jawi kepada masyarakat dan juga generasi yang akan datang perlulah dilatih dalam menyertai pertandingan bagi mencungkil bakat serta berkebolehan dalam bidang penulisan kaligrafi Jawi. Oleh itu, tenaga pengajar perlulah terdiri daripada golongan yang mempunyai pengalaman yang banyak dan juga terlatih agar pembelajaran tersebut berjalan dengan sempurna dan lancar.

5.3.4 Menyediakan Pekerjaan dalam Sektor Kaligrafi Jawi

Bagi cadangan ini pula berkaitan dengan penyediaan pekerjaan dalam sektor kaligrafi tersebut di mana menyediakan platform sektor pekerjaan yang memberi pulangan wang dalam membuat lukisan, poster, hiasan seni dalam kaligrafi Jawi. Apabila ianya hanya diterapkn sebagai pembelajaran namun akan mudah dilupakan oleh segelintir masyarakat pada masa kini. Oleh itu, jika dijadikan sebagai sumber pendapatan secara automatik segelintir masyarakat akan berkeinginan untuk mempelajari dan mencuba sesuatu yang baru disamping sebagai salah satu punca pendapatan.

5.3.5 Memberikan pendedahan kepada masyarakat berkenaan dengan kaligrafi Jawi

Bagi cadangan ini masyarakat perlu didedahkan dengan hasil kesenian kaligrafi tersebut dalam kehidupan seharian. Peranan yang penting dalam memberikan pendidikan oleh ibubapa kepada anak-anak agar mahir dalam penulisan mahupun pembacaan dalam kaligrafi Jawi sejak kecil lagi. Oleh itu, penerapan nilai kerohanian serta keagamaan yang cukup perlu dicapai dalam masyarakat sebagai asas dalam mengenali ilmu kesenian Islam. Di samping itu, masyarakat juga haruslah peka terhadap keadaan sekeliling dengan menghayati dan menghargai serta mendalami setiap kaligrafi Jawi yang ada dengan mengadakan pusat kesenian bagi orang ramai sebagai wadah dalam pembelajaran.

5.4 Rumusan

Secara kesimpulannya, kaligrafi Jawi adalah satu hasil kesenian Islam yang perlu dipelihara dalam membangunkan sebuah negara yang beridentitikan seni Islam seni Islam yang terunggul. Dalam pada itu, keindahan yang terdapat pada kaligrafi Jawi ini terletak pada ilmu dan jiwa seseorang penulis bagi membentuk satu karya yang teragung.

Rujukan

Buku

1. Abdullah Zakaria Ghazali & Zuliskandar Ramli. (2013). *Warisan Kelantan XXXII*, diterbitkan oleh Perbandanan Muzium Negeri Kelantan.

Jurnal

1. Hashim Musa. (2005). Peranan Tulisan Jawi Dalam Perkembangan Islam Di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*.
2. Hazliza binti ismail. (2011). Kaedah dan pendekatan mempelajari seni khat: kajian di kelantan hazliza binti ismail universiti teknologi malaysia.
3. *Melayu mudah lupa*. (n.d.).
4. Rahman, N. A. A., Amin, N. M., Razali, W. N., & Wahab, M. F. A. (2018). Pemeliharaan Tulisan Jawi dan Penggunaan Tulisan Jawi di Media: Kajian Persepsi Pelajar Melayu di UNITEN. *Sains Insani*, 1–7.
5. Nik Yusri Musa, Ilham Che Daud & Nazri Muslim, Jamsari Alias. (2017). Sejarah Perkembangan Seni Khat dan Pengaruhnya Terhadap Tulisan Jawi di Nusantara. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*.
6. Ibn Batutah. (1964). Rihlah Ibn Batutah, Beirut.
7. Makmur Haji Harun, Muhammad Bukhari Lubis. (2014). Seni Kaligrafi Cina Dan Kaligrafi Islami: Kajian Pengaruh Karya-Karya Seni Kaligrafi Cina Dan Seni Kaligrafi Islami Terhadap Seni Dan Budaya Di Alam Melayu

Tesis

1. Nur Sazwana Binti Che Mat. (2014/2015). Penggunaan Hiasan Kaligrafi Dalam Dekorasi Masjid di Kelantan: Satu Kajian Kes. Jabatan Pengajian Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.

Internet

1. Portal Rasmi Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) |. (n.d.). Diakses pada 17 Mac 2020. Diambil daripada, <http://www.mpkbbri.gov.my/>
2. A Abdullah (2003). Diakses pada 11 Mac 2020. Diambil daripada, https://www.google.com/url?sa=t&rct=j&q=&esrc=s&source=web&cd=1&ved=2ahUK_Ewjps67UocHoAhUB8HMBHQg4B7cQFjAAegQIAhAB&url=http%3A%2F%2Fstudent.srepo.um.edu.my%2F1236%2F4%2FBAB_1.pdf&usg=AOvVaw3DDU4xzppj66p2rcVyMrXD
3. Sejarah dan Evolusi Tulisan Jawi di Tanah Melayu. Diakses pada 17 Disember 2020. Diambil daripada, <https://iluminasi.com/bm/tulisan-jawi-sejarah-evolusi-dan-perkembangannya-di-tanah-melayu.html>

Temubual

1. Lee Seng Long, Kota Bharu, 25 Mei 2020

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

GLOSARI

Farisi

Farisi adalah kaligrafi yang diilhamkan oleh seorang ulama yang paling terkenal iaitu Mir Ali al-Tibrizi. Kaligrafi ini amat terkenal di beberapa buah negara seperti India dan Pakistan.

Kaligrafi

Kaligrafi atau dalam bahasa inggeris "*Calligraphy*" berasal dari perkataan Latin iaitu "Kaaios" yang bermaksud indah manakala perkataan "graph" bermaksud sebagai tulisan. Maksud kaligrafi secara keseluruhan adalah merupakan keindahan pada tulisan kaligrafi.

Kerajaan Chih-Tu

Kerajaan Chih-Tu adalah perkataan Chih-Tu yang bermaksud "Tanah Merah" yang terletak di Kelantan.

Khufi

Khufi adalah kaligrafi tulisan Arab yang paling tua dan sumber penulisan huruf Arab yang pertama. Perkataan "Khufi" yang berasal daripada daerah "Kufah".

Naskhi

Naskhi adalah kaligrafi yang sering digunakan oleh umat Islam dalam penulisan dalam Al-Quran, majalah dan juga surat khabar.

Riq'ah

Riq'ah adalah hasil daripada perkembangan gaya penulisan Naskhi dan Thuluth. Mumtaz Bik yang berasal dari Turki merupakan orang yang pertama mengilhamkan penggunaan kaligrafi ini.

Papan Tanda

Papan tanda merupakan papan atau notis dimana kebiasaanya digunakan pada pengiklanan produk atau premis perniagaan, papan tanda petunjuk arah dan sebagainya.

Pendokumentasian

Pendokumentasian adalah mengumpulkan maklumat dan dokumen-dokumen daripada bukti yang tepat.

Pemeliharaan

Pemeliharaan adalah suatu kaedah yang dijalankan untuk menjaga sesuatu agar tidak terganggu keadaan asal.

Thuluth

Thuluth adalah kaligrafi khat Arab yang paling terkenal berbeza dengan kaligrafi yang lain-lain. Hal ini demikian kerana, kaligrafi ini mempunyai keindahan dan keunikan dari segi susunan hurufnya.

Warisan

Warisan adalah sebagai sesuatu yang bernilai diwarisi daripada satu generasi kepada generasi baru. Warisan ini merangkumi adat, budaya, kawasan, bangunan, bahan arkib dan cetakan termasuk penulisan buku.

INDEKS

B

$B \angle \emptyset \triangle \odot$
 1,2,3,6,7,8,9,10,26,28,30,31,34,48,
 49,51,
 52,54,56,58,62

D

$D \equiv \sphericalangle \angle \emptyset \equiv$
 6,21,24,43,44

$D \equiv \sphericalangle \angle \emptyset \equiv$
 $J \angle \odot \equiv$
 24,43,44

F

$F \angle \odot \equiv \textcircled{S} \equiv$ 6,20,43,45,63

I

$I \oplus \triangle \angle \nearrow (R \angle \equiv \nearrow \angle \emptyset \equiv)$ 23,43,45

J

$J \angle \sphericalangle \equiv$ 1,3,5,6,7,8,9,10,11,12,13,14,15,16,17,
 25,26,30,31,32,34,35,36,40,41,42,43,
 45,47,48,49,50,51,53,54,56,58,59,60,61,61

K

$K \odot \textcircled{L} \angle \emptyset \nearrow \angle \emptyset$ 1,2,3,5,6,7,8,11,13,26,30,34,35,40,43,
 48,49,50,51,53,54,56,59,62,65

$K \nearrow \text{---} // \equiv$ 6,17,42,44,48,52,53,63,64

M

$M \angle \textcircled{S} \triangle \angle \odot \angle \curvearrowright \angle \nearrow$ 3,5,6,8,9,10,14,16,17,30,35,39,40,41,48
 56,58,59,60

R

$R \equiv t' \angle \nearrow$ 6,22,63

S

$S \odot \oplus \angle \odot \angle \nearrow$
 1,3,5,7,8,11,13,16,25,34,47,48,6,62

T

$T \nearrow \text{---} \textcircled{L} \text{---} \nearrow \nearrow$
 6,19,22,23,44,48,52,53,63,64

W

$W \angle \odot \equiv \textcircled{S} \angle \emptyset$ 1,5,10,11,12,39,40,41,54,61

N

$N \angle \textcircled{S} \cap \nearrow \equiv 6, 18, 22, 23, 43, 45, 48, 52, 63$

P

$P \textcircled{\emptyset} \triangle \square \cap \textcircled{M} \textcircled{\emptyset} \nearrow \angle \textcircled{S} \equiv \angle \emptyset 48, 51, 52, 64$

$P \textcircled{M} \textcircled{O} \textcircled{L} \equiv \nearrow \angle \textcircled{C} \angle \emptyset 1, 8, 10, 11, 26, 29, 39, 42, 56, 61, 64$



CARTA GANTT PENYELIDIKAN 1 DAN 2

PEMELIHARAAN KALIGRAFI JAWI: SATU KAJIAN DI SEKITAR BANDAR KOTA BHARU

Tahun/Semester	Semester Februari 2020				Semester September 2020/2021			
	Mac	April	Mei	Jun	Okt	Nov	Dis	Jan
Perjumpaan Bersama Penyelia								
Draf Awal								
Bab 1 : Pengenalan								
Bab 2 : Sejarah Kaligrafi Jawi								
Bab 3 : Metodologi Kajian								
Penyuntingan								
Pembentangan PPI								
Membuat Kajian Lapangan								
Penghantaran Draf Bab 4								
Bab 4 : Dapatan Kajian								
Bab 5 : Cadangan Dan Kesimpulan								
Pembentangan PPII								



**UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN**

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Faculty of Creative Technology and Heritage

UMKA02.700-12/1/7 (عد)
8 JULAI 2020

REJ. KAMI (Our Ref.) :
TARIKH (Date) :

Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam
Jalan Hospital
15000 Kota Bharu
Kelantan

Tuan/Puan,

MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN / TEMURAMAH

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa senarai nama di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah di organisasi tuan/ puan. Tujuan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus **Projek Penyelidikan II (CFT4134)**. Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:

Bil.	Nama Pelajar	No Matrik	No. Kad Pengenalan	Program
1	Nur Syamimi Binti Che Mohamad	C17A0245	971217-03-6816	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan/ puan.

Kerjasama tuan/ puan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUFAKAT, NEGERI BERKAT"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



TS. DR. KHAIRUL AZHAR BIN MAT DAUD
Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)

**UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN**

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN **اوپنيور سيستم ماليسيا كلانتان**

Kampus Bachek
Brg Berkunci (Locked Bag) No. 01,
16300 Bachek, KELANTAN, MALAYSIA

Tel : 609 779 7269
Fax : 609 779 7262